

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 28 Januari 2016 16:17
To: UUM - All Staff
Cc: Institut Pengurusan Kualiti
Subject: INSTITUT PENGURUSAN KUALITI (IPQ) KEKAL PTJ SOKONGAN TERBAIK



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



28 JANUARI 2016 / 18 RABIULAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

INSTITUT PENGURUSAN KUALITI (IPQ) KEKAL PTJ SOKONGAN TERBAIK



IPQ ONLINE: Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) dinobatkan PTJ Sokongan Terbaik dalam Anugerah Kecemerlangan UUM bagi sesi penilaian tahun 2014/2015. Anugerah telah disampaikan oleh Naib Canselor UUM, Yang Berbahagia Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak dalam Majlis Amanat Naib Canselor 2016 pada 27 Januari 2016 baru-baru ini.

Sesi audit telah diadakan pada tahun 2015 dengan mengambilkira pencapaian tahun 2014. Aspek yang dinilai ialah pengurusan perkhidmatan (60%), pengurusan kewangan (20%), pencapaian pelan strategik (10%) dan pencapaian markah penilaian laman web (10%).

IPQ sebelum ini pernah menerima Anugerah PTJ Sokongan Terbaik bagi sesi penilaian 2013/2014 dengan penarafan '4 bintang' dan berjaya mengekalkan kemenangan tersebut dengan peningkatan penarafan kepada '5 bintang' bagi sesi penilaian 2014/2015.

Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah dalam pertemuannya bersama staf IPQ sebaik sahaja majlis berakhir telah melahirkan perasaan gembira dan mengucapkan tahniah kepada semua warga IPQ atas kemenangan tersebut. Menurut beliau, kejayaan tidak akan datang bergolek sebaliknya perlu disertakan dengan usaha keras dan *passion* yang tinggi dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

"Saya berharap anugerah ini menjadi pemangkin semangat kepada semua warga IPQ untuk terus komited menjadi pemudahcara kepada semua PTJ dalam usaha melonjakkan UUM ke arena antarabangsa menerusi Pelan Strategik UUM Fasa 2 (2016-2020) seperti yang disarankan dalam amanat Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor." ujarnya.

Pada majlis sama, Naib Canselor turut menyampaikan Anugerah Pusat Pengajian Terbaik yang dimenangi oleh Pusat Pengajian Pengkomputeran, Anugerah PTJ Utama Terbaik kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan Anugerah CoE terbaik dirangkul oleh Institut Pemikiran Tun. Dr. Mahathir Mohamad

**DARIPADA:
INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUS.ACCURATE.SHARP.TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 4651/55
FAKS :04 - 928 4660
E-MEL : ipq@uum.edu.my
<http://ipq.uum.edu.my>

